**TEMA 1 : SISTEM EKONOMI DAN KEWANGAN ISLAM**

**PELAJARAN 1 : SISTEM EKONOMI ISLAM**

**BAHAGIAN A**

Arahan : Jawab semua soalan .
Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga Soalan 4

| Bil | Penerangan | Istilah |
|---|---|---|
| 1. | Ilmu yang digunakan oleh manusia bagi memenuhi keperluan ekonomi individu dan masyarakat berteraskan aturan syariat Islam serta mencegah ketidakadilan dalam pemerolehan dan penggunaan sumber alam. | |
| 2. | Sesuatu yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya untuk dimilik dan dimanfaatkan menurut kehendak syarak seperti tanah, rumah, kenderaan dan sebagainya. | |
| 3. | Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal. | |
| 4. | Sistem ekonomi yang ditentukan oleh manusia dan tidak mempunyai piawaian yang mutlak tetapi bersifat anjal dan berubah mengikut ketentuan masyarakat. | |

Soalan 5 hingga Soalan 10
Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

5. Salah satu asas sistem ekonomi islam ialah ________________________ harta dalam kalangan masyarakat dengan adil
6. Keuntungan dan kerugian dalam kegiatan ekonomi ialah perkara __________________
7. Allah SWT telah menetapkan cara pemilikan harta yang sah seperti ____________ dan wasiat serta mengharamkan riba.
8. Peranan pekerjaan ialah meningkatkan taraf _______________individu, masyarakat dan negara.
9. Harta ______________________ yang diuruskan oleh kerajaan untuk kepentingan awam selaras dengan tuntutan agama dan keperluan semasa.
10. Ciri ciri pekerjaan ialah _______________ yang halal.

©Hak cipta Sektor Pendidikan Islam , Jabatan Pendidikan Negeri Sabah 

LIVEWORKSHEETS

Soalan 11 hingga Soalan 12 berdasarkan rajah 1 di bawah.
Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Rajah 1 merupakan asas sisitem ekonomi Islam




11. R ialah ..............................................
12. H ialah ..............................................

Soalan 13 hingga Soalan 16 berdasarkan jadual di bawah.
Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.
Jadual di bawah merupakan etika kerja Islam

| | Etika Kerja Islam |
|---|---|
| 13. | H |
| | Amanah ketika bekerja seperti tidak menipu |
| 14. | I |
| | Akur terhadap araha ketua selagi tidak bertentangan dengan syarak |
| 15. | J |
| 16. | K |

13. H ialah : ..............................................................................................................
14. I ialah : ..............................................................................................................
15. J ialah : ..............................................................................................................
16. K ialah : ..............................................................................................................

©Hak cipta Sektor Pendidikan Islam , Jabatan Pendidikan Negeri Sabah


LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS

Soalan 17 hingga Soalan 25
Tandakan ( /) pada pernyataan yang betul
Tandakan ( X ) pada pernyataan yang salah

17. Ekonomi Islam ialah tentang asas asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang barang dan perkhidmatanserta isu isu kewangan yang bersangkutan dengannya. ( )
18. Prinsip prinsip asas sistem ekonomi Islam adalah manusia sebagai khalifah. ( )
19. Allah SWT memerintahkan manusia berusaha untuk memilik harta bagi memenuhi keperluan asasi kehidupan mereka. ( )
20. Hak milik individu adalah pemilikan secara bersama oleh anggota masyaraka terhadap sesuatu sumber, barangan atau perkhidmatan. ( )
21. Pekerjaan adalah merupakan suatu ibadah kepada Allah SWT. ( )
22. Keistimewaan sistem ekonomi Islam adalah bersifat setempat dan keduniaan sahaja. ( )
23. Ekonomi Kapitalis adalah berpaksikan akal fikiran manusia semata mata. ( )
24. Matlamat utama pemilikan harta adalah menjamin kesejahteraan kehidupan di dunia semata mata. ( )
25. Sumber utama sistem ekonomi Islam adalah Al-Quran, Al-Hadis, Al-Ijtihad dan Al-Ijmak. ( )

©Hak cipta Sektor Pendidikan Islam , Jabatan Pendidikan Negeri Sabah 

LIVEWORKSHEETS

Soalan 26 hingga Soalan 30 berdasarkan jadual di bawah.
Padankan pernyataan berikut.
Jadual di bawah merupakan prinsip prinsip asas sistem ekonomi Islam

| | |
|---|---|
| 26. Akhlak Islam hendaklah sentiasa diamalkan ketika berinteraksi dalam kegiatan ekonomi. | Pekerjaan dan ganjaran. |
| 27. Manusia dianjurkan untuk berusaha dan bekerja bagi menjana pendapatan. | Larangan kerosakan dan kezaliman. |
| 28. Mekanisme mudarabah dan musyarakah digalakkan bagi memenuhi prinsip ini. | Akidah, syariah, dan Akhlak Islam sebagai Teras. |
| 29. Kegiatan ekonomi mesti membawa keadilan sosial kepada segenap lapisan rakyat | Keuntungan dan kerugian |
| 30. Islam mengharamkan penindasan, penipuan, eksploitasi, pencemaran alam sekitar dan pembaziran dalam kegiatan ekonomi. | Keadilan sosial. |

©Hak cipta Sektor Pendidikan Islam , Jabatan Pendidikan Negeri Sabah


LIVEWORKSHEETS